

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : NASIONAL

9.1 juta dos vaksin COVID-19 dilupus

Kuala Lumpur: Sebanyak 9.1 juta dos vaksin COVID-19 pelbagai jenama dilupuskan, membabitkan kerugian RM185 juta setakat 11 Jun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata, pelupusan itu turut membabitkan beberapa perkara antaranya logistik dan penyimpanan stok.

Katanya, sejak imunisasi COVID-19 bermula pada 24 Februari 2021, kerajaan menerima 84.5 juta dos vaksin sama ada melalui perolehan atau sumbangan.

"Atas persoalan berapa kerugian, saya tidak bermaksud negatif terhadap menteri terdahulu sebelum saya.

"Bagi menteri terdahulu sebelum saya, mereka tidak mempunyai prosedur operasi standard (SOP) dan dengan itu saya mahami kalau ada kelebihan ia terkait dengan persaingan untuk mendapatkan vaksin itu sangat sengit," katanya menjawab soalan Datuk Seri Jalahuddin Alias (BN-Jelebu) di Dewan Rakyat, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : LOKAL

Kerajaan tanggung RM185 juta lupus vaksin Covid-19 luput tarikh

Kuala Lumpur: Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad memaklumkan RM185 juta kerugian terpaksa ditanggung kerajaan bagi melupuskan vaksin Covid-19 yang sudah tamat tempoh.

Beliau berkata, jumlah

kerugian itu termasuk membabitkan kos logistik dan simpanan stok.

Dr Dzulkefly berkata, sehingga 11 Jun tahun ini juga, sebanyak 9.1 juta stok vaksin Covid-19 pelbagai jenama sudah luput di fasiliti Kementerian Kesihatan

Malaysia (KKM) dan gudang simpanan vaksin.

Bagaimanapun, beliau mempertahankan perolehan vaksin oleh Menteri Kesihatan sebelumnya dan menyifatkan mereka tidak mempunyai prosedur operasi standard (SOP) atau

amalan terbaik waktu itu kerana pandemik berlaku buat pertama kali.

"Saya memahami, kalau ada kelebihan, ia terkait ketika itu persaingan mendapatkan perolehan vaksin sangat sengit.

"Selepas kita mendepani

pandemik ini, pertama kali kita mempunyai sedikit-sebanyak SOP dan amalan terbaik ke depan ini," katanya menerusi pertanyaaan bagi jawab lisan di Parlimen di sini, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Da-

tuk Seri Jalaluddin Alias (BN-Jelebu) mengenai jumlah sebenar vaksin Covid-19 yang terpaksa dilupuskan kerana sudah tamat tempoh dan berapa anggaran kerugian terpaksa ditanggung oleh kerajaan.

Aplikasi i-Cemas atasi kesesakan di hospital

Ayer keroh: Kerajaan negeri akan melancarkan aplikasi telefon pintar baharu dikenali sebagai i-Cemas bagi mengurangkan kesesakan di Hospital Melaka ketika ini.

Exco negeri, Dr Muhammad Akmal Saleh berkata, aplikasi itu bakal menyediakan maklumat serta rujukan orang ramai, khususnya pesakit, me-

ngenai tahap kesihatan mereka serta status temujanji.

Beliau berkata, melalui aplikasi berkenaan juga, orang ramai boleh melihat data terkini jumlah pesakit yang masih menunggu rawatan di zon hijau, selain mendapatkan khidmat nasihat secara langsung bersama paramedik bertugas.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : LOKAL

3,000 individu di Selangor dirawat berkaitan mental sejak 2020

Shah Alam: Antara 2,000 hingga 3,000 individu mendapatkan rawatan berkaitan gangguan mental di Klinik Kesihatan (KK) di seluruh Selangor sejak 2020 hingga kini.

Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin berkata, bilangan kes mental yang sudah stabil dan meneruskan rawatan di KK bagi trend empat tahun adalah lebih kurang sama.

"KK di Klang merawat pesakit tertinggi iaitu lebih 500 kes setahun, diikuti oleh KK di Petaling dengan lebih 400 pesakit dan Se-

pang lebih 300 pesakit.

"Faktor penyebab gangguan kesihatan mental adalah faktor dalaman (faktor genetik dan personaliti), faktor tekanan hidup dan stigma terhadap kesihatan mental.

"Individu ini perlu sentiasa dikelilingi sokongan sosial bagi membantu menguruskan cabaran hidup. Faktor gaya hidup juga memainkan peranan termasuk gejala penyalahgunaan dadah dan kurang aktiviti fizikal," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor, semalam.

"Faktor penyebab gangguan kesihatan mental adalah faktor dalaman (faktor genetik dan personaliti), faktor tekanan hidup dan stigma terhadap kesihatan mental"

Jamaliah



Beliau menjawab soalan **Sallehen Mukhyi (PN-Sabak)** yang ingin mengetahui kes gangguan mental mengikut daerah daripada 2020 hingga kini serta strategi kerajaan menangani masalah ini.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bandar Utama itu, kerajaan negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) juga merancang tujuh strategi bagi mengatasi permasalahan ini termasuk kerjasama rentas agensi.

"Sekurang-kurangnya sekali setahun akan diada-

kan mesyuarat teknikal kesihatan mental membabitkan semua pihak berkepentingan seperti pakar psikiatri, kaunselor, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Pendidikan Negeri bagi membincangkan pencapaian dan penambahbaikan program.

"Kami juga jalankan latihan pengendalian tingkah laku bunuh diri kepada anggota kesihatan (My-Save) selain saringan kesihatan mental terhadap klien yang berisiko di Jabatan Pesakit Luar (hospital)," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Vaksin telah tamat tempoh, kerugian sebanyak RM185 juta setakat 11 Jun lalu

9.1 juta vaksin Covid-19 dilupuskan

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Sebanyak 9.1 juta dos vaksin Covid-19 pelbagai jenama yang luput tarikh di fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM) dan gudang simpanan vaksin itu terpaksa dilupuskan memabitkan kerugian sebanyak RM185 juta, setakat 11 Jun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, sejak Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dimulakan secara rasmi pada 24 Februari 2021, kerajaan menerima sebanyak 84.5 juta dos vaksin Covid-19 pelbagai jenama.

Menurutnya, bekalan vaksin tersebut diterima daripada perolehan kerajaan dan juga sumbangan luar.

"Proses pelupusan dan pelaporan vaksin dalam simpanan KKM dilaksanakan mengikut Tatacara Pengurusan Aset dan

DEWAN RAKYAT

Tatacara Pengurusan Stor yang berkuat kuasa.

"Pemantauan status pelupusan juga dilaksanakan secara berkala," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Jalaluddin Alias (**BN-Jelebu**) mengenai jumlah sebenar vaksin Covid-19 yang terpaksa dilupuskan kerana telah tamat tempoh dan anggaran kerugian yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan.

Dr. Dzulkefly berkata, beliau bagaimanapun tidak mempunyai sebarang maksud negatif terha-

dap Menteri Kesihatan terdahulu apabila menyentuh mengenai jumlah kerugian tersebut.

Jelasnya, beliau memahami ketika perolehan itu dilakukan, persaingan untuk mendapatkan vaksin Covid-19 adalah sangat sengit di seluruh dunia.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, kerajaan menerima 26 laporan daripada sejuta memabitkan kesan sampingan serius akibat penerimaan vaksin Covid-19.

"Ia termasuk kemasukan ke dalam wad atau membahayakan nyawa. Kami mengakui dan sangat sedar serta ada pemantauan berterusan oleh Bahagian Kawal Selia Farmasi Negara.

"Setiap satu kematian itu kita akan susuli dengan forensik bagi mengenal pasti terkait sebab musabab akan kes serius itu yang sentiasa diambil tanggungjawab," ujarnya.



VAKSIN Covid-19 mendapat permintaan tinggi ketika negara diserang pandemik itu sebelum ini. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA

Ramai dirujuk ke klinik kesihatan di Selangor sejak 2020

3,000 terima rawatan mental setiap tahun

SIDANG
DUN
SELANGOR



Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM — Dianggarkan seramai 3,000 individu di Selangor mendapatkan rawatan gangguan mental setiap tahun di klinik kesihatan sejak 2020.

Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Selangor, Jamaliah Jamaluddin berkata, daerah Klang mencatatkan rawatan pesakit tertinggi iaitu lebih 500 kes, diikuti Petaling (lebih 400 pesakit) dan Sepang (lebih 300 pesakit).

"Antara faktor gangguan mental tersebut adalah genetik dan personaliti seperti tahap ketahanan mental yang rendah terhadap cabaran hidup menyebabkan individu sukar menguruskan cabaran hidup.

"Individu berkenaan perlu sentiasa dikelilingi sokongan sosial bagi membantu menguruskan cabaran hidup. Faktor gaya



JAMALIAH

hidup juga memainkan peranan termasuk gejala penyalahgunaan dadah dan kurang aktiviti fizikal," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Sallehen Mukhyi (**PN-Sabak**) yang bertanya mengenai kes gangguan mental mengikut daerah dari tahun 2020 hingga kini serta strategi kerajaan menangani masalah ini.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bandar Utama itu, gangguan mental turut disebabkan tekanan hidup termasuk trauma pengalaman lalu dan isu kerjaya serta tempat tinggal.

Ujarnya, keadaan gangguan itu turut disebabkan stigma terhadap kesihatan mental.

"Ini disebabkan keengganan individu yang terkesan dengan kesihatan untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang disediakan kerajaan.

"Rasa malu dilabel sebagai kurang siaman, mental, gila adalah senario yang biasa ditemui," jelasnya.

Justeru Jamaliah memaklumkan kerajaan negeri melalui Jabatan Kesihatan negeri telah merancang tujuh strategi bagi mengatasi permasalahan ini termasuk kerjasama rentas agensi.

"Sekurang-kurangnya sekali setahun akan diadakan mesyuarat teknikal kesihatan mental melibatkan semua pihak berkepentingan seperti pakar psikiatri, kaunselor, Pejabat Kesihatan Daerah, Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri bagi membincangkan pencapaian dan penambahbaikan program.

"Kita juga jalankan latihan pengendalian tingkah laku bunuh diri kepada anggota kesihatan (MySave), selain saringan kesihatan mental terhadap klien yang berisiko di Jabatan Pesakit Luar (hospital)," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

i-Cemas kurangkan kesesakan pesakit di Hospital Melaka

MELAKA – Kerajaan negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) akan memperkenalkan aplikasi i-Cemas pada hujung Ogos atau awal September ini bagi menangani kesesakan di Hospital Melaka.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, aplikasi itu membantu mempermudah urusan pesakit, selain merancang waktu untuk menda-

SIDANG DUN MELAKA



patkan rawatan awal di Jabatan Kecemasan dan Trauma.

Menurut beliau, pesakit juga boleh mendapatkan nasihat awal

daripada anggota paramedik yang bertugas melalui ruangan sembang yang disediakan.

"Pesakit boleh menyemak (masa nyata) jumlah pengujung yang sedang menunggu untuk mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma, jika waktu itu barisan menunggu panjang, pesakit boleh memasukkan simpton yang dihadapi dalam aplikasi berkenaan terlebih dahulu.

"Kita akan klasifikasikan sama

ada simptom itu adalah mendasak atau tidak serta bertanyakan terus kepada anggota paramedik di ruangan sembang. Kemudian anggota paramedik akan memberikan nasihat sama ada perlu datang ke hospital atau klinik kesihatan berhampiran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi pertanyaan-pertanyaan lisan pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di Seri Negeri, Ayer Keroh di sini semalam.

Beliau mewakili Pengerusi

Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Ngwe Hee Sem untuk menjawab pertanyaan lisan Datuk Seri Sulaiman Md. Ali (**BN-Lendu**) mengenai kaedah menyelesaikan masalah kesesakan di Hospital Melaka.

Tambah Muhamad Akmal, aplikasi i-Cemas turut mempunyai ciri carian lokasi klinik kesihatan berhampiran dengan rumah pesakit, sekali gus dapat mengelakkan kesesakan di Hospital Melaka.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Mesin layan diri vape galak budaya merokok

PUTRAJAYA - Penjualan rokok elektronik (vape) secara terbuka tanpa sebarang pemantauan menerusi mesin layan diri akan menggalakkan budaya merokok dalam kalangan masyarakat.

Menurut Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPJ), Datuk Seri Ayub Yaakob, ia turut mendorong kepada langkah awal kanak-kanak, remaja bawah umur dan pelajar sekolah untuk terjebak dalam penagihan serta penyalahgunaan dadah di negara ini.

"Penjualan secara terbuka seperti itu dikhuatiri memudahkan akses golongan terbabit untuk mendapatkan peranti merokok tanpa pengawasan," katanya pada Khamis.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai laporan stesen televisyen tempatan yang me-

laporkan penjualan rokok elektronik secara berleluasa menerusi mesin layan diri di sebuah pusat beli-belah di Klang, Selangor.

Jelas beliau, tindakan pemilik mesin layan diri itu jelas melanggar Fasal 10 (1) Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 (Akta 852).

"MCPJ berharap agar pihak bertanggungjawab seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dapat menguatkuasakan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 (Akta 852) yang diluluskan Parlimen pada hujung tahun lepas dan diwartakan Februari lalu secepat mungkin.

"Ini bagi memastikan generasi baharu tidak terjebak dengan ketagihan vape sekali gus mengawal penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 29
RUANGAN : NASIONAL

2,000 individu di Selangor alami gangguan mental sejak 2020

SHAH ALAM - Kira-kira 2,000 hingga 3,000 individu tampil untuk mendapatkan rawatan berkenaan gangguan mental di klinik kesihatan di Selangor sejak empat tahun lalu.

Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Selangor, Jamaliah Jamaluddin berkata, bilangan kes mental adalah stabil dan jumlah yang meneruskan rawatan di klinik kesihatan dalam tempoh itu adalah lebih kurang sama.

Ujarnya, Klinik Kesihatan Klang merawat pesakit tertinggi iaitu lebih 500 kes setahun, diikuti oleh Klinik Kesihatan Petaling dengan lebih 400 pesakit dan di Sepang pula merekodkan lebih 300 pesakit.

"Penyebab gangguan kesihatan mental adalah faktor dalaman iaitu genetik dan personaliti, tekanan hidup dan stigma terhadap kesihatan mental.

"Individu ini perlu sentiasa dikelilingi sokongan sosial bagi membantu menguruskan cabaran hidup.

"Faktor gaya hidup juga memainkan peranan termasuk gejala penyalahgunaan dadah dan kurang aktiviti fizikal," katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor di sini pada Khamis.

Jamaliah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Bandar Utama berkata demikian menjawab pertanyaan Sallehen Mukhyi (**PN-Sabak**) mengenai kes gangguan mental mengikut daerah dari tahun 2020 hingga kini serta strategi kerajaan menangani masalah berkenaan.

Dalam pada itu Jamaliah berkata, Kerajaan Selangor melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor juga merancang tujuh strategi bagi mengatasi permasalahan tersebut termasuk kerjasama merentas agensi.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

9.1 juta vaksin Covid-19 dilupuskan

KUALA LUMPUR: Kerajaan rugi sebanyak RM185 juta selepas melupuskan 9.1 juta dos vaksin Covid-19 setakat 11 Jun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pelupusan turut melibatkan beberapa perkara antaranya logistik dan penyimpanan stok.

Bagaimanapun, beliau tidak berpandangan buruk terhadap menteri Kabinet terdahulu yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan vaksin Covid-19.

Katanya, sejak program imunisasi Covid-19 bermula pada 24 Februari 2021, kerajaan menerima 84.5 juta dos vaksin sama ada melalui perolehan atau sumbangan.

"Atas persoalan berapa kerugian, saya tidak bermaksud



DZULKEFLY Ahmad pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.
- JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

negatif terhadap menteri-menteri terdahulu sebelum saya.

"Bagi menteri-menteri ter-

dahulu sebelum saya, mereka tidak mempunyai prosedur operasi standard (SOP) dan dengan

itu saya faham kalau ada kelebihan ia terkait dengan persaingan untuk mendapatkan vaksin itu adalah sangat sengit," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Jalaluddin Alias (BN-Jelebu) berhubung jumlah sebenar vaksin Covid-19 yang terpaksa dilupuskan kerana telah tamat tempoh dan anggaran kerugian ditanggung kerajaan.

Dzulkefly berkata, kerajaan menerima 26 laporan membabitkan kesan sampingan serius akibat penerimaan vaksin Covid-19 termasuk kemasukan ke wad atau membahayakan nyawa.

"Kami mengakui dan sangat sedar serta ada pemantauan berterusan oleh Bahagian Kawal Selia Farmasi Negara (NPRA)," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 32
RUANGAN : DALAM NEGERI

3,000 terima rawatan mental setiap tahun

SHAH ALAM: Kira-kira 3,000 individu menerima rawatan gangguan mental setiap tahun di klinik kesihatan (KK) sejak tahun 2020.

Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Selangor, Jamaliah Jamaluddin berkata, daerah Klang mencatatkan rawatan pesakit tertinggi iaitu lebih 500 kes diikuti Petaling (lebih 400 pesakit) dan Sepang (lebih 300 pesakit) setahun.

"Antara faktor gangguan mental genetik dan personaliti seperti tahap ketahanan mental rendah terhadap cabaran hidup.

"Individu ini perlu dikelilingi sokongan sosial bagi membantu menguruskan cabaran hidup. Faktor gaya hidup juga memainkan peranan termasuk gejala penyalahgunaan dadah dan kurang aktiviti fizikal," katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor semalam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 35
RUANGAN : DALAM NEGERI

i-Cemas kurangkan pesakit di Hospital Melaka

MELAKA: Kerajaan negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) akan memperkenalkan aplikasi i-Cemas pada hujung Ogos atau awal September ini bagi menangani kesesakan di Hospital Melaka.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, aplikasi itu membantu mempermudah urusan pesakit, selain merancang waktu untuk mendapatkan rawatan awal di Jabatan Kecemasan dan Trauma.



Menurut beliau, pesakit juga boleh mendapatkan nasihat awal daripada anggota paramedik yang bertugas melalui ruangan sembang yang disediakan.

"Pesakit boleh menyemak (masa nyata) jumlah pengunjung yang sedang menunggu untuk mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma. Jika

waktu itu barisan menunggu panjang, pesakit boleh memasukkan simpton yang dihadapi dalam aplikasi berkenaan terlebih dahulu.

"Kita akan klasifikasikan sama ada simptom itu adalah mende-sak atau tidak serta bertanyakan terus kepada anggota paramedik di ruangan sembang. Kemudian anggota paramedik akan memberikan nasihat sama ada perlu datang ke hospital atau klinik kesihatan," katanya ketika sesi pertanyaan-pertanyaan lisan pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di Seri Ne-

geri, Ayer Keroh di sini, semalam.

Beliau mewakili Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Ngwe Hee Sem untuk menjawab pertanyaan lisan Datuk Seri Sulaiman Md. Ali (BN-Lendu) mengenai kaedah menyelesaikan masalah kesesakan di Hospital Melaka.

Tambah Muhamad Akmal, aplikasi i-Cemas mempunyai ciri carian lokasi klinik kesihatan berhampiran rumah pesakit, sekaligus dapat mengelakkan kesesakan di Hospital Melaka.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

THE STAR, FRIDAY 12 JULY 2024

Nation 3

Dzul: Nine million doses of Covid-19 vaccines expired in June

KUALA LUMPUR: Over nine million doses of Covid-19 vaccines procured during the pandemic expired in June, resulting in a RM183mil loss for the government, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

The Health Minister said expired vaccines comprised about 10.8% of the overall procured vaccine doses during the pandemic, which totalled 84.5 million doses as of February 2021.

"A total of 9,159,151 Covid-19 vaccine doses of various brands

that were stored at the ministry's facilities and storehouses were found to have expired as of June 11. This includes vaccines that expired due to logistical issues such as stock keeping, storage and others," he said in Parliament.

Dzulkefly also explained that the heavy loss of vaccines was due to it being the first time Malaysia's healthcare system was tested by a widespread pandemic.

"But now we know the standard operating procedures to apply and the best practices for any

future pandemic, if it happens," he added.

Dzulkefly was responding to a question from Datuk Seri Jalaluddin Alias (BN-Jelebu) who inquired on the amount of Covid-19 vaccines procured by the government that had expired and estimated losses suffered as a result.

The minister said the disposal and records of inventory were conducted in accordance with the ministry's existing asset and store management guidelines.

He added that a total of 72 mil-

lion vaccine doses were administered under the National Covid-19 Immunisation Programme which began in 2021.

Malaysia's Covid-19 vaccine stockpile was a result of it receiving 5.03 million doses contributed by countries such as Japan, United States, China, Britain, United Arab Emirates and Singapore. This was in addition to the almost 80 million doses that was procured by the government at the time in 2021.

Vaccines that were procured included Pfizer's Comirnaty, Sino-

pharm's Sinovac's CoronaVac as well as the AstraZeneca.

According to the White Paper on Covid-19 Vaccine Procurement Management that was released in Parliament last year, RM4.482bil had been spent on Covid-19 vaccine procurement and logistics as of April 30, 2023.

WATCH THE VIDEO

TheStarTV.com



AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : VIEWS

Vape tax revenue supposed to be used for healthcare

THE Galen Centre for Health and Social Policy is concerned that revenue from taxes imposed on nicotine and non-nicotine vape liquids since May 1, 2023, have not been earmarked for health-related initiatives under the Health Ministry. This is in contradiction to a promise made and announced during the tabling of the 2023 national budget.

The Finance Minister, in a written reply to a question from Member of Parliament Wan Saiful Wan Jan (Bersatu) recently, revealed that the government has collected RM141.1mil in vape liquid tax revenue, comprising RM82.51mil from non-nicotine vape liquid and RM58.55mil from vape liquid containing nicotine from 2021 to 2024.

It is both surprising and extremely disappointing that the Minister indicated that rather than being earmarked for healthcare, the revenue would instead be deposited into the Federal Consolidated Fund.

This move is in direct contradiction with one of the supporting arguments used to justify and enact the tax, and does not adhere to what was said in the Finance Minister's budget speech on Feb 24, 2023. In that speech, he pledged to earmark half of the revenue collected to be used for healthcare. This money is intended to complement existing allocations given to the Health Ministry, especially in the area of health education and promotion, which is severely underfunded.

Following last year's detrimental

decision to remove liquid nicotine used for vape and e-cigarettes from scheduled substances under the Poisons Act without having an alternative regulation already in place, nicotine vape and e-cigarettes became totally unregulated resulting in unrestricted sales, distribution, and marketing of these products. Even children and adolescents can freely purchase cheap and widely available products containing nicotine to vape. It was and continues to not be illegal for retailers to sell them to children.

The findings from the Health Ministry's 2023 Global Adult Tobacco Survey Malaysia are clear: Tobacco smoking prevalence only dropped four points to 19% in 2023 from 23.1% in 2011,

but dual tobacco and e-cigarette users rose 3.9%. The prevalence of vape surged 600%. It is obvious that vape does not reduce tobacco smoking, and is now a separate problem needing to be addressed. Alarming, the majority of e-cigarette users are aged 15 to 24 years. This is what public health advocates predicted would happen if the government deregulated nicotine, and it is now a reality.

Government bodies and NGOs working in public healthcare are going to need all the additional resources that they can get to deal with the consequences of unrestricted marketing and sales of nicotine vape devices, including through vending machines. The vape tax revenue would have been used for this purpose.

Half of RM141.1mil is RM70mil which could help repair the damage of having nicotine vape completely deregulated for more than a year.

This was how the government justified to public health experts, advocates, and anti-cancer groups the need to remove nicotine vape from the scheduled list, introducing regulation, instead of banning it outright.

AZRUL MOHD KHALIB
Chief executive officer
Galen Centre for Health
& Social Policy

The Galen Centre is an independent public policy research and advocacy organisation focused on health and social issues.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : BIZ & FINANCE

Medical device sector to contribute RM19.7b to M'sian economy

PETALING JAYA: The impressive growth of Malaysia's healthcare industry has solidified the country's position as a key player in the global market, said Malaysia External Trade Development Corporation (Matrade) chairman Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

He said this year, Malaysia's medical device sector is expected to contribute US\$4.19 billion (RM19.7 billion) to the economy, while the pharmaceutical segment has already added over US\$1.26 billion to the national GDP.

"Last year, Malaysia's total trade in the healthcare industry was valued at US\$11.1 billion with exports of healthcare products amounting to US\$6.81 billion, and total imports totalling US\$4.29 billion.

"This impressive performance underscores

Malaysia's significant contribution to the global healthcare industry and highlights the robust growth and potential of our healthcare sector," he said in his opening remarks at the Malaysian International Healthcare Forum during the International Healthcare Week (IHW 2024) in Bangkok on Thursday.

Reezal Merican said Malaysia's medical device industry employs over 13,000 individuals, and the pharmaceutical industry provides jobs for almost 30,000 people.

He said these employment opportunities drive economic growth and enhance the quality of life for many individuals.

"With Malaysia's advanced infrastructure, which includes top-notch sterilisation services, precise engineering capabilities, and renowned

research institutions, we are dedicated to positioning the medical devices and pharmaceutical industries as pivotal pillars of the nation's manufacturing sector.

"The government actively promotes Malaysia as a regional manufacturing hub for medical devices, underpinned by a stable industry ecosystem, a robust talent pool, a resilient financial sector, a strong legal framework, and globally integrated logistics systems – positioning Malaysia as a centre of excellence," he said.

Reezal Merican said Malaysia is a leading global producer of rubber-based medical consumables and is recognised as one of the best nations in the world for healthcare.

He said Malaysia holds the title of the largest market for medical devices in Asean and is actively

participating in free trade agreements (FTA) to strengthen its position in the healthcare industry.

"With 16 FTAs, including the Regional Comprehensive Economic Partnership and the Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership, we facilitate seamless trade and investment flows, integrating Malaysia more deeply into the global supply chain and driving economic growth," he said.

For IHW 2024, the 10 participating Malaysian companies are exhibiting a wide range of products including clean room manufacturing, air ventilation systems, smart sensors for data loggers, syringes, blood collection tubes, electric potential therapy devices, collapsible tubes, disposable tourniquets, and in-vitro diagnostic rapid test kits. – Bernama